

AKAUN PELABURAN PATUH SYARIAH LEBIH KOMPETITIF

Salah satu aktiviti utama institusi perbankan Islam (IPI) adalah menerima deposit atau dana daripada pelanggan individu dan pelanggan institusi. Antara kontrak Syariah yang dipakai dalam produk deposit adalah wadiah yad dhamanah (simpanan dengan jaminan), mudharabah (perkongsian untung) dan tawarruq (jual beli sesuatu komoditi melibatkan beberapa pihak). Seperti institusi kewangan konvensional, IPI sebelum ini menawarkan akaun semasa, akaun simpanan dan akaun pelaburan. Kontrak wadiah yad dhamanah dan mudharabah biasanya dipakai dalam produk akaun semasa dan simpanan manakala akad tawarruq dan mudharabah diaplikasikan dalam produk akaun pelaburan.

Setiap kontrak ini mempunyai ciri-ciri dan muqtadha al aqd yang tersendiri dan berbeza antara satu sama lain. Contohnya dalam kontrak wadiah yad dhamanah, pihak penyimpan wajib menjamin dana atau wang yang disimpan apabila wang tersebut diguna oleh penyimpan tersebut. Bagi kontrak mudharabah pula, pengurus (mudarib) tidak dibenarkan oleh syarak untuk menjamin modal pelabur (rabbul mal) kecuali sekiranya kerugian yang berlaku itu disebabkan kecuaiian dan kemungkiran mudarib.

Seperti yang pernah dinyatakan dalam artikel-artikel yang lepas, industri kewangan Islam di negara kita dikawal oleh sebuah akta yang baharu iaitu Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) 2013. Ia bagi menggantikan Akta Perbankan Islam dan Akta Takaful yang diguna pakai semenjak awal 1980-an.

Akta ini mengukuhkan aspek kawal selia aktiviti dan operasi yang berkaitan dengan kewangan Islam secara keseluruhannya khususnya aspek urus tadbir Syariah. Dalam akta baru ini, Bank Negara telah mendefinisikan semula ciri-ciri produk deposit iaitu akaun deposit dan akaun pelaburan.

Perbezaan

IFSA 2013 memperincikan ciri-ciri setiap akaun ini dan terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-duanya seperti dinyatakan berikut;

Definisi Deposit Islam menurut IFSA 2013 (Akta 759), Bahagian I Permulaan, Seksyen 2 seperti yang dinyatakan adalah;

“Deposit Islam” ertinya sejumlah wang yang disetuju terima atau dibayar mengikut Syariah;

(a) atas terma yang di bawahnya ia akan dibayar balik sepenuhnya, dengan atau tanpa perolehan, pulangan atau apa-apa balasan berupa wang atau nilai wang lain, sama ada dituntut atau pada masa atau dalam hal keadaan yang dipersetujui oleh atau bagi pihak orang yang membuat bayaran itu dan orang yang menyetuju terimanya; atau

(b) di bawah suatu perkiraan, atas terma yang hasil di bawah perkiraan itu akan dibayar kepada orang yang membayar jumlah wang itu tidak kurang daripada jumlah wang sedemikian,

tetapi tidak termasuk wang yang dibayar secara bona fide-

(i) sebagai pendahuluan atau pembayaran sebahagian di bawah suatu kontrak jualan, sewaan atau penyediaan harta atau perkhidmatan lain, dan hanya boleh dibayar balik sekiranya harta atau perkhidmatan itu tidak sebenarnya dijual, disewa atau disediakan selainnya;

- (ii) sebagai jaminan bagi pelaksanaan suatu kontrak atau sebagai jaminan berkenaan dengan apa-apa kerugian yang boleh disebabkan oleh ketidaklaksanaan suatu kontrak;
- (iii) tanpa mengehadakan perenggan (ii), sebagai jaminan bagi penghantarserahan atau pemulangan apa-apa harta, sama ada dalam keadaan baik tertentu atau selainnya; dan
- (iv) dalam apa-apa hal keadaan lain, atau kepada atau oleh mana-mana orang lain, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2;

Menurut IFSA 2013, akaun pelaburan ditakrifkan sebagai 'suatu akaun yang mana wang dibayar dan diterima bagi tujuan pelaburan, termasuk bagi penyediaan pembiayaan, mengikut Syariah atas terma bahawa tiada obligasi nyata atau tersirat untuk membayar balik wang itu sepenuhnya dan;

(a) sama ada hanya keuntungan, atau kedua-dua keuntungan atau kerugian, yang hendaklah dikongsi antara orang yang membayar wang itu dan orang yang menerima wang itu; atau

(b) dengan atau tanpa apa-apa pulangan.'

Di bawah struktur baharu ini, akaun deposit dikira sebagai akaun yang bersifat tiada risiko serta jumlah simpanannya adalah dijamin dan dilindungi oleh PIDM (Permodalan Insurans Deposit Malaysia), manakala akaun pelaburan terdedah kepada risiko tertentu tetapi memberikan pulangan yang jauh lebih baik daripada akaun deposit.

Berdasarkan ciri-ciri tersebut, kontrak mudarabah, musharakah (perkongsian untung dan rugi) dan wakalah bil istithmar (perwakilan untuk pelaburan) tidak boleh diaplikasikan dalam akaun deposit kerana kontrak-kontrak tersebut tidak membenarkan pihak bank Islam menjamin dana atau deposit yang diletakkan oleh pihak pelanggan.

Potensi Besar

Kontrak-kontrak tersebut adalah sangat sesuai diaplikasikan dalam akaun pelaburan berdasarkan ciri-ciri akaun tersebut sebagaimana yang dinyatakan dalam IFSA 2013. Ia juga selari dengan konsep Syariah yang dimaklumi iaitu *Al-Kharaj biddhaman* (keuntungan terhasil dari tanggungan risiko).

Di Maybank Islamik Berhad, kami memperkenalkan akaun pelaburan yang akan dilaburkan dalam campuran portfolio aset milik Bank yang berpotensi besar menghasilkan keuntungan yang lebih besar dan kompetitif berbanding produk sebelumnya. Kadar keuntungan yang lebih tinggi ini juga bersesuaian dengan pendedahan risiko yang ditanggung oleh pelabur. Semoga pengenalan akaun pelaburan seperti yang digariskan oleh IFSA 2013 ini akan memberikan satu lagi alternatif pelaburan patuh Syariah yang memberikan pulangan yang kompetitif kepada para pelanggan dan pelabur.